

Optimis sistem subsidi petrol bersasi dilaksanakan tahun ini

KEPALA BATAS 28 Jun - Kerajaan optimis sistem subsidi petrol se-cara bersasi terutama kepada golongan berpendapatan rendah atau B40 dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Eihwal Penggunaan (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, buat masa ini kementeriannya dan Kementerian Kewangan telah menyiapkan memo bersama menghubungkan kajian mengenai

pelaksanaan sistem itu untuk dibentangkan dalam mesyuarat jemaah menteri pada masa terdekat.

"Di peringkat dua kementerian itu, kami telah menemui satu kaedah pelaksanaan yang kami fikir munasabah. Kalau pun tidak sempurna sebetulnya tapi proses untuk mencari kesempurnaan dari

segi pelaksanaannya itu akan kita capai *as we go along*," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Pejabat KPDNHEP Pulau Pinang, di sini hari ini.

Rakyat Malaysia dianggar menggunakan kira-kira 1.2 bilion liter petrol sebulan dengan 90 peratus daripadanya ialah

RON95 bersubsidi, manakala se-lebihnya RON97.

Pada Februari lepas, kerajaan mengumumkan harga petrol RON95 dihadkan pada kadar RM2.08 untuk semua pengguna tanpa mengira kenaikan harga minyak global.

Saifuddin Nasution berkata, beberapa perkara perlu diambil kira bagi memastikan pelaksanaan sistem itu kelak tidak mendatangkan keresahan dan kesusa-han kepada orang ramai. - BERNAMA



SAIFUDDIN NASUTION